

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : MAJLIS SEMBAH MESRA  
Lokasi : SRI PERDANA, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 29-08-1989

Bismillahir rahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Bainun; Ampun Tuanku, beribu-ribu ampun, sembah patek, harap diampun.

Patek melafazkan syukur alhamdulillah ke hadrat Ilahi kerana hajat patek-patek semua dalam BAKTI dapat disempurnakan pada petang ini.

2. Bagi pihak ahli-ahli dalam BAKTI dan patek sendiri, patek ingin menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana berkenan mencemar duli dalam majlis BAKTI ini yang membawa kehormatan kepada patek-patek sekalian.

Sebagai isteri kepada pemimpin-pemimpin negara, patek-patek berasa perlu patek-patek membuka jalan untuk mengadakan Majlis Sembah kenal untuk Duli Tuanku berkenal dan bermesra dengan ahli-ahli serta dengan isteri-isteri bekas pemimpin- pemimpin negara.

Ampun Tuanku,

3. BAKTI mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah atas perlantikan Duli Yang Maha Mulia sebagai Yang di-Pertuan Agong yang kesembilan pada bulan April yang lalu. Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala mengurniakan usia yang berlanjutan, rahmat bahagia dan taufik serta hidayahNya semasa Duli Yang Maha Mulia Tuanku bersemayam di atas takhta Kerajaan Malaysia. Begitu juga patek-patek sekalian menyembahkan setinggi-tinggi tahniah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sendiri atas perlantikan sebagai Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dan berdoa semoga Duli Tuanku juga selamat bersemayam di atas takhta. Patek dalam BAKTI berharap akan dapat menumpang di bawah naungan payung Duli Tuanku kerana patek menyedari bahawa Duli Tuanku amat minat dengan hal ehwal wanita dan pendidikan kanak-kanak.

Ampun Tuanku,

4. BAKTI sebagai badan wanita yang bercorak kebajikan dan sukarela sudahpun berusia dua belas tahun. Terdiri daripada isteri-isteri pemimpin-pemimpin negara semenjak tahun 1977 dengan Yang Amat Berbahagia Datin Suhailah (ketika itu) sebagai penaja dan Yang di-Pertuanya yang pertama. BAKTI sekarang telah berkembang daripada segi keahliannya kerana ianya juga terbuka kepada isteri dan isteri bekas pemimpin Barisan Nasional. Kini, ahli-ahli Bakti terdiri daripada isteri Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan masing-masing iaitu 4 orang, 51 isteri Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri dan 10 isteri Setiausaha Parlimen. Sementara itu isteri bekas Menteri dan pemimpin negara yang memohon sebagai Ahli Bersekutu BAKTI berjumlah 25 orang. Jumlah ahli-ahli dalam BAKTI kesemuanya ialah 90 orang.

5. BAKTI ditadbir oleh Jawatankuasa Tadbir yang dilantik oleh ahli-ahli dalam Mesyuarat Tahunannya kecuali jawatan Yang di-Pertua dan Naib Yang di-Pertua yang disandang secara automatik oleh isteri Perdana Menteri dan isteri Timbalan Perdana Menteri.

6. Kegiatan-kegiatan BAKTI juga telah berkembang semenjak dua belas tahun ini yang dikelolakan oleh Jawatankuasa- Jawatankuasa Kecil, dengan mengutamakan kebajikan bagi masyarakat yang miskin, cacat, tua dan muda. Bagi mengelolakan hal kebajikan am dan bencana alam dua Jawatankuasa Kecil telah dilantik. Antara dua Jawatankuasa Kecil ini sahaja, BAKTI menyumbangkan hampir \$800,000/-

setahun.

7. BAKTI juga mengutamakan pendidikan bagi golongan yang tidak mampu. Dengan tujuan ini BAKTI mengeluarkan dermasiswa kepada pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah rendah, menengah dan tingkatan tinggi setiap tahun bagi menampung perbelanjaan sekolah mereka selama dua tahun bagi setiap calon yang cerdas tetapi miskin. BAKTI juga membantu siswa/siswi tempatan khususnya yang cacat.

8. Untuk perkembangan diri sendiri, Jawatankuasa Kecil Pendidikan, Kebudayaan dan Sukan diwujudkan di mana Jawatankuasa Kecil masing-masing mengatur lawatan sambil belajar, ceramah, latihan seni dan latihan badminton.

Sebahagian daripada latihan ini akan dipersembahkan Ke Bawah Duli Tuanku sebentar lagi.

9. Kursus-kursus meningkatkan pengetahuan dan kecekapan diri diadakan secara tertentu, antaranya kursus cara mengiringi tetamu kenamaan, kursus Ecole de Belle, C.P.R.

dan pada bulan September depan akan diadakan kursus khas mengenai CHOGM bagi mereka yang dipilih dan bersetuju menjadi "table hosts".

10. Daripada segi pergaulan pula, BAKTI sedar bahawa perhubungan mesra dengan badan-badan wanita yang lain amat penting. Oleh itu, wakil-wakil badan wanita seringkali dijemput dalam majlis-majlis BAKTI ataupun melalui sukan, khususnya badminton, di mana BAKTI dapat bertemu dengan wanita-wanita dari seluruh negara. BAKTI juga pernah dikunjungi oleh wanita-wanita dari Singapura, Soviet Union dan Brunei Darussalam.

Ampun Tuanku,

11. Majlis petang ini diadakan khas untuk meraikan Ke Bawah Duli Tuanku; dan ahli-ahli BAKTI telah bertungkus-lumus menyediakan sambutan dengan seberapa boleh semenjak beberapa bulan dahulu. Sambil bermesra, patek-patek juga berhajat mempersembahkan sedikit hiburan yang diusahakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kecil Kebudayaan, Yang Berbahagia Datin Faizah dan rakan-rakannya. Oleh kerana latihan adalah secara berselerak di beberapa buah rumah dan tempat, dalam pada itu pula, antara balik ke kawasan masing-masing, kerja dan latihan badminton; patek terlebih dahulu menyusun sepuluh jari memohon ampun dan maaf sekiranya ada berlaku kesilapan dan perkara-perkara yang tidak menyenangkan Duli Tuanku.

12. Namun begitu, patek juga berharap Duli Tuanku akan terhibur. Persembahan ini dibantu dengan kerjasama dan pertolongan oleh pegawai-pegawai dan jurulatih-jurulatih Kompleks Budaya Negara daripada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dan Panca Putera, kombo daripada Pusat Latihan Polis atau PULAPOL. Mereka bersama-sama berusaha melenturkan buluh-buluh yang agak sudah keras. Kepada mereka ini, BAKTI mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

Ampun Tuanku,

13. Sekali lagi patek menyembah junjung kasih atas keberangkatan Duli Tuanku dan patek berharap majlis ini akan menjalin kemesraan di antara Ke Bawah Duli Tuanku dan patek-patek semua hendaknya. Sekian sahaja sembah patek.

Ampun Tuanku Beribu-ribu ampun Sembah patek Harap diampun Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.